

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Phg. P.U. 28 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

Phg. P.U. 9

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

2. Tafsiran
3. Lesen
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen
5. Bentuk lesen
6. Lesen
7. Pindah milik lesen
8. Kebersihan
9. Mengadakan tong sampah
10. Karung plastic
11. Pembuangan sampah
12. Menumpahkan bahan mengganggu
13. Bekalan air
14. Jamban pam tempat buang air kecil
15. Pencahayaan
16. Ganti udara
17. Bersesak-sesak tidak dibenarkan
18. Peruntukan bilik mes, dsb.
19. Pencegahan
20. Bahan-bahan mudah terbakar
21. Penstoran
22. Pembakaran
23. Penyebaran habuk dsb.
24. Bising
25. Waktu menjalankan perniagaan dsb.
26. Kuasa untuk memeriksa
27. Penalti

Phg. P.U. 28 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

Undang-Undang Kecil Baharu

28. Kegagalan mematuhi syarat lesen
29. Merampas barang
30. Mengkompaunan kesalahan
31. Tempoh dan pembaharuan lesen
32. Pembayaran balik deposit

Phg. P.U. 9

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Lembaga Pembangunan Tioman) (Pindaan) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada **1 April 2019**.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“**industri**” ertinya apa-apa perniagaan, tred, pengusahaan, pengilangan atau pekerjaan majikan dan termasuk apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, pengajian, pertukangan tangan atau pekerjaan industri atau vokasion pekerja dan termasuk perusahaan dan kilang kotej;

“**Lembaga**” ertinya Lembaga Pembangunan Tioman yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 [Enakmen No.7 tahun 1997];

“**lesen**” ertinya apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini mengenai apa-apa bentuk tred, perniagaan dan perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam seperti yang dinyatakan dalam Jadual;

“**pemegang lesen**” ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“**perniagaan**” termasuklah apa-apa bentuk tred, perdagangan ketukangan, pekerjaan, profesion atau aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan;

“**premis**” termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen dan hereditament daripada apa-apa pemegang sama ada terbuka atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, sama ada disinggara atau tidak oleh Pihak Berkuasa Berkanun;

“**Timbalan Yang Dipertua**” ertinya Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman;

“**tred**” ertinya apa-apa jenis aktiviti perdagangan yang dinyatakan dalam Jadual;

“**Yang Dipertua**” ertinya Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Lesen

3. (1) **Tiada** seorangpun boleh **menggunakan sesuatu tempat atau premis** dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman bagi apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian **tanpa lesen** yang dikeluarkan oleh Lembaga yang fi lesennya adalah sebagaimana ditetapkan dalam **Jadual** kepada Undang-Undang Kecil ini;

(2) Dengan syarat bahawa Yang Dipertua boleh menurut budibicaranya yang mutlak **mengurangkan fi lesen** mana-mana premis dengan **tidak lebih daripada setengah kadar** yang telah ditetapkan untuk tred, perniagaan atau perindustrian yang berkenaan **jika pada fikirannya adalah patut dikurangkan**.

Permohonan untuk mendapatkan lesen

4. (1) Tiap-tiap **permohonan** untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua **dalam borang** yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh menghendaki mana-mana pemohon untuk lesen atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau bagi sesuatu perbadanan atau firma, menghendaki seseorang wakil perbadanan atau firma itu supaya hadir, semasa lesen dikeluarkan atau dibaharui.

Bentuk lesen

5. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa.

Lesen

6. Sesuatu lesen melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 31 Disember berikutan tarikh mula berkuat kuasa dan **hendaklah dibaharui pada atau sebelum tarikh tamat** tempoh lesen itu.

Pindah milik lesen

7. (1) Sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen dan jika dipohon oleh pemegangnya, Yang Dipertua **boleh membenarkan lesen itu dipindah milik** kepada orang lain.

(2) **Fi pindah milik ialah dua puluh peratus daripada fi lesen** dalam Jadual.

Kebersihan

8. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah **menjaga dan menyenggara** tempat atau premis berlesennya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Mengadakan tong sampah

9. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah **mengadakan tong sampah atau bekas sampah** yang cukup sebagaimana perlu untuk menyimpan sampah.

Karung plastik

10. Semua sampah hendaklah **diletakkan dalam karung plastik atau lain-lain bekas** yang sesuai **sebelum dimasukkan** ke dalam tong sampah atau bekas sampah.

Pembuangan sampah

11. Semua sampah dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang mengikut cara sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa.

Menumpahkan bahan mengganggu

12. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menyebabkan atau membenarkan darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu **dilonggokkan, ditumpahkan atau diserakkan** ke dalam longkang atau lain-lain awam atau persendirian.

Bekalan air

13. Di tempat atau premis berlesen itu hendaklah disediakan bekalan air dari paip yang disambung ke sesalur air dari bekalan air awam.

Jamban pam tempat buang air kecil

14. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menyenggara dalam keadaan baik, **bilik mandi, jamban pam, tempat buang air kecil dan besen cuci tangan** yang cukup bilangannya hingga memuaskan hati Yang Dipertua.

Pencahayaan

15. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa **pencahayaan cukup diadakan** hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan jika pencahayaan asli tidak mencukupi, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengadakan pencahayaan buatan.

Ganti udara

16. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya ganti udara yang cukup di tempat dan premis berlesen itu hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara ganti udara dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

Bersesak-sesak tidak dibenarkan

17. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup bagi memastikan yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku.

Peruntukan bilik mes, dsb.

18. Yang Dipertua boleh dengan **notis bertulis** menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan yang secukupnya seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerobok dan memperbaikinya jika Yang Dipertua berpendapat kemudahan-kemudahan yang ada itu tidak cukup.

Pencegahan

19. Pemegang lesen hendaklah memastikan –
 - (a) bahawa **kelengkapan menentang kebakaran** yang cukup dipasang hingga memuaskan hati Yang Dipertua;
 - (b) bahawa **tangga dan jalan keluar** yang cukup disediakan dan diselenggarakan; dan

- (c) bahawa **semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan** dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

Bahan-bahan mudah terbakar

20. (1) Simen atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang reka bentuknya telah mendapat kelulusan.

(2) Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 22.8° Celsius disimpan dalam kuantiti yang lebih daripada 45 liter, **stor yang tidak mudah terbakar** hendaklah dibina mengikut kehendak Yang Dipertua.

Penstoran

21. Semua bahan hendaklah distor mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah pengeluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu darinya.

Pembakaran

22. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Penyebaran habuk dsb.

23. Pemegang lesen tidak boleh **menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau mengizinkan** penyebaran apa-apa kuantiti habuk, wap asap, wap haba gas, pancaran, bau, hiduan, getaran, asap atau jelaga di tempat atau premis berlesennya yang pada pendapat Yang Dipertua adalah **kacauganggu atau yang mencemarkan udara**.

Bising

24. Pemegang lesen, semasa menjalankan trednya **tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang merupakan kacauganggu**.

Waktu menjalankan perniagaan dsb.

25. Yang Dipertua boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian **tidak dibenarkan dijalankan** di suatu tempat atau premis berlesen **melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan** oleh Yang Dipertua dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.

Kuasa untuk memeriksa

26. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sepenuhnya olehnya boleh –
- memasuki dan memeriksa** mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang dipercayai dengan munasabahnya oleh Yang Dipertua atau pegawai itu sebagai digunakan bagi maksud tred, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini;
 - meminta** daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian **apa-apa maklumat berkenaan** dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan **pemegang lesen atau pekerjanya** hendaklah memberi **apa-apa maklumat yang dikehendaki** daripadanya.

Penalti

27. Mana-mana orang yang **melanggar mana-mana peruntukan** Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan **denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari** kesalahan itu diteruskan.

Kegagalan mematuhi syarat lesen

28. (1) Lembaga boleh **menggantung atau membatalkan lesen** yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini jika berlaku **kegagalan mematuhi** mana-mana syarat lesen seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil ini.

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen melainkan jika pemegang lesen telah diberi peluang membuat apa-apa representasi bertulis yang mahu dibuatnya dalam tempoh **empat belas (14) hari** –

- (a) dari tarikh notis pemakluman penggantungan atau pembatalan lesen **ditampal di premis pemegang lesen**; atau
- (b) dari tarikh **penerimaan notis** penggantungan atau pembatalan oleh pemegang lesen.

(2) Jika Lembaga berpendapat bahawa representasi bertulis yang diterima daripada pemegang lesen menghendaki penjelasan lanjut, maka Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen supaya memberikan penjelasan lanjut dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Setelah menimbangkan representasi pemegang lesen itu dan jika penjelasan lanjut telah diberikan, Lembaga telah berpuas hati bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana terma, syarat atau peruntukan lesen, Lembaga boleh –

- (a) **menggantung** lesen itu dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Lembaga menerima penjelasan lanjut daripada pemegang lesen; atau
- (b) **membatalkan** lesen itu mulai dari suatu tarikh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah **memberitahu pemegang lesen** tentang butir-butir alasan yang berasaskannya lesen itu dicadangkan akan digantung atau dibatalkan –

- (a) dengan **menampal suatu salinan notis** itu di tempat yang mudah dilihat di premis berlesen itu; atau
- (b) dengan **menyampaikan suatu salinan notis** itu kepada pemegang lesen.

(4) Keputusan Lembaga untuk menggantung atau membatalkan lesen adalah muktamad. Keputusan penggantungan atau pembatalan lesen hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen melalui cara yang sama sebagaimana di perenggan (3).

Merampas barang

29. (1) Jika seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dirampas –

- (a) kesemua atau sebahagian daripada barang yang menjadikan kesalahannya; atau
- (b) mana-mana barang lain harta kepunyaan orang yang dituduh itu yang digunakan olehnya untuk melakukan kesalahan itu atau yang telah dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pengkompaunan kesalahan

30. (1) Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Lembaga boleh dengan izin Timbalan Pendakwa Raya **mengkompaun mana-mana kesalahan** yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini. Lembaga **boleh menetapkan kadar bayaran kompaun tidak melebihi amaun denda maksimum** bagi peruntukan kesalahan tersebut, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Jika Lembaga berniat hendak mengkompaun sesuatu kesalahan, Lembaga hendaklah **memberikan notis secara bertulis tentang niatnya** untuk berbuat demikian kepada orang itu dan boleh menyampaikan notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkan patut dan notis itu hendaklah juga **menyatakan** –

- (a) **tarikh** dan **tempat** berlakunya kesalahan itu dan **kesalahan** yang dilakukan;
- (b) **jumlah wang** yang hendaklah dibayar untuk mengkompaun kesalahan itu; dan
- (c) **tarikh** selewat-selewatnya jumlah wang itu **hendaklah dibayar**.

(3) Jika orang itu bersetuju supaya kesalahan itu dikompaun, dia **hendaklah mengaku melakukan kesalahan** itu dan hendaklah **membayar jumlah wang** yang dinyatakan itu selewat-selewatnya pada tarikh yang dinyatakan dan berikutan dengan itu, Lembaga hendaklah **membuat suatu perintah** menyatakan bahawa kesalahan itu telah dikompaun dan perintah itu hendaklah juga, **mutatis mutandis**, mengandungi butir-butir yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c).

Tempoh dan pembaharuan lesen

31. (1) Sesuatu lesen melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal **hendaklah sah sehingga 31 Disember** setiap tahun.

(2) Sesuatu lesen boleh diperbaharui apabila Lembaga berpuas hati bahawa pemohon telah **menjelaskan bayaran lesen pada kadar yang ditetapkan** oleh Lembaga dan mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil ini.

(3) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui lesen bagi tahun berikutnya hendaklah dibuat **tidak lewat dari tiga bulan sebelum tempoh sah tamat**.

(4) Kelewatan menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh tiga bulan tersebut boleh dikenakan **denda sebanyak 20 peratus daripada jumlah fi lesen tahunan** yang dikenakan.

Pembayaran balik deposit

32. (1) Lembaga boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen atau pada bila-bila masa selepas itu, menghendaki pemegang lesen itu membuat suatu deposit dalam apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan olehnya untuk memastikan bahawa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Lembaga boleh melucuthakkan **keseluruhan atau sebahagian** daripada deposit itu jika dia berpuas hati bahawa **telah berlaku pelanggaran** mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL
(Undang-Undang Kecil 3)

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
1.	Akuarium:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00
2.	Merebus Ofal Darah atau Tulang	180.00
3.	Kedai basikal atau penjual basikal dan kedai membaiki basikal:	
	(a) Luas lantai di antara 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	120.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	180.00
4.	Menjalankan tred tukang besi	100.00
5.	Menjalankan tred tukang ayan	84.00
6.	Menyebur selulos	180.00
7.	Mengumpul atau menyetor surat khabar, tin, kapok, botol, kain buruk, tulang, guni, bulu atau barang-barang buruk	180.00
8.	Membuat kusyen, membuat pakaian, penjual hiasan rumah, kedai permaidani, mainan atau bunga plastik:	
	(a) Luas lantai di antara 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	180.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00
9.	Menjalankan tred membaiki, mengecat kereta-kereta motor	240.00
10.	Membina badan kereta-kereta motor	360.00
11.	Mencelup atau mencetak batik/fabrik	120.00
12.	Menyimpan atau menyetor arang batu, kayu, arang kok, atap, rumput kering, jerami atau lain-lain bahan berbahaya yang mudah terbakar	180.00
13.	Kedai farmasi atau kedai ubat/ahli kimia:	
	(a) Luas lantai di antara 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	180.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	360.00
14.	Gedong, Emporium, Pakaian siap, Tekstil Dagangan Am:	
	(a) Luas lantai di antara 70 meter persegi	96.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	120.00
	(c) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 209 meter persegi	240.00
	(d) Luas lantai di antara 210 meter persegi sehingga 279 meter persegi	600.00
	(e) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	900.00
15.	Sekolah tarian/muzik/peragaan/seni	100.00
16.	Kerja sadur elektrik	180.00
17.	Kedai Empat Nombor Ekor	800.00

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
18.	Kedai Elektrik dan Elektronik:	
	(a) Luas lantai di antara 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	360.00
	(d) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
19.	Kerja kejuteraan elektrik dan kejenteraan:	
	(a) Luas lantai di antara 140 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00
20.	Agensi pekerjaan, agensi pelancong, agensi taman social:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00
21.	Kedai penjual bunga dan pokok pasu	120.00
22.	Kerja bengkel:	
	(a) Luas lantai sehingga 186 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai di antara 187 meter persegi sehingga 279 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00
23.	Kedai Fesyen/butil	180.00
24.	Garaj	204.00
25.	Mencanai kaca, membuat cermin dan barang-barang kaca:	
	(a) Luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00
26.	Memotong kaca/membingkai gambar:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00
27.	Gudang/stor:	
	(a) Luas lantai di antara 140 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	180.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00
28.	Sewa barang-barang rumah	120.00
29.	Kedai besi atau barang logam:	
	(a) Luas lantai di antara 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	360.00
	(d) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
30.	Pemasangan penyaman udara di kereta	204.00

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
31.	Kilang mengait/menenun, membuat fabric tekstil, kilang pakaian dan membuat barang-barang dari tekstil:	
	(a) Luas lantai sehingga 140 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	480.00
32.	Dobi dan cuci kering	140.00
33.	Membuat bata, tembikar atau kapur, genting, arang batu	240.00
34.	Kilang baja ikan atau baja-baja lain	240.00
35.	Mengilang bekas-bekas dengan menggunakan jentera	240.00
36.	Mengilang gas mudah terbakar atau loji LPG	240.00
37.	Loji pemasangan kereta motor dan jentera	1,000.00
38.	Mengilang, mengawet atau menyetor tembakau:	
	(a) Luas lantai di antara 140 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	480.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	960.00
39.	Mengilang dan/menyetor keluaran kertas	
40.	Mengilang cat	
41.	Mengilang bateri	
42.	Mengilang barang-barang kulit	
43.	Membuat iklan, papan tanda, papan tanda seni:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00
44.	Peniaga motokar/lori/bas/traktor/forklift:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	480.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	720.00
45.	Peniaga motosikal dan/atau motoskuter:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi hingga 140 meter persegi	360.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	480.00
46.	Mengilang atau menyetor colok:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00
47.	Mengilang atau membuat semula barang-barang daripada aluminium, tembaga, timah putih, besi keluli, atau logam-logam lain tidak termasuk emas, berlian dan perak:	
	(a) Luas lantai di antara 140 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
48.	Mengilang barang-barang daripada rotan	180.00

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
49.	Mengilang barang-barang daripada simen atau arang batu:	180.00
	(a) Luas lantai sehingga 929 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 930 meter persegi sehingga 1,858 meter persegi	480.00
	(c) Luas lantai melebihi 1,858 meter persegi	
50.	Mengilang plastik atau barang-barang daripada bahan-bahan plastik atau lain-lain bahan yang sama:	
	(a) Luas lantai sehingga 279 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
51.	Mengilang ubat gigi, sabun pembersih, alat solek, bedak muka, krim rambut, minyak rambut, syampu:	
	(a) Luas lantai sehingga 140 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	480.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	720.00
52.	Mengilang asid, alkali, peluru, damar, pelekat, baja, racun serangga, racun makhluk perosak, umpan kimia dan kimia-kimia lain	600.00
53.	Kedai alat-alat/kelengkapan muzik:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	360.00
54.	Mengilang ubat dan keluaran-keluaran farmasi	720.00
55.	Mengilang keluaran-keluaran getah secara borong	500.00
56.	Sekolah-sekolah persendirian, Institut Tabika dan lain-lain establishment pelajaran	180.00
57.	Menjual keluaran getah secara runcit	120.00
58.	Kedai cerminmata:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00
59.	Percetakan:	
	(a) Luas lantai sehingga 186 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai melebihi 186 meter persegi	240.00
60.	Stesen mengisi petrol	180.00
61.	Stesen mengisi petrol dan servis	200.00
62.	Kedai binatang kesayangan:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00
63.	Tempat semaian tumbuhan:	
	(a) Luas lantai sehingga 929 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai melebihi 929 meter persegi	240.00
64.	Kedai Pajakan Gadai, Tukang Emas atau Batu Permata:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	300.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	480.00

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
65.	Memproses apa-apa logam (emas, berlian, permata, perak dan lain-lain):	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	480.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	720.00
66.	Pembersihan logam-logam berharga melalui proses asid	240.00
67.	Setor rotan	120.00
68.	Memperbaiki dan membuat semula atau menjual oven, penyaman udara dan tau peti sejuk:	
	(a) Luas lantai sehingga 140 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	360.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
69.	Dobian wap	140.00
70.	Menyiat kulit atau mengeluarkan isi perut binatang	180.00
71.	Menyetor atau memproses getah:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	360.00
72.	Menyetor asitilin, oksigen dan lain-lain gas yang serupa	360.00
73.	Menyetor kelapa kering	180.00
74.	Menyetor, menyimpan atau memperniagakan apa-apa ikan reput atau lain-lain komoditi yang biasa dikenali sebagai 'ikan jeruk'	120.00
75.	Barang ganti dan alat tambahan:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	360.00
	(d) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
76.	Menyetor cat:	
	(a) Luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	360.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
77.	Kedai alat/buku/jilid buku:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	180.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00
78.	Menjual dan mengemas bateri	120.00

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
79.	Kedai menjual barang-barang tembikar, kaca, pinggan-mangkuk aluminium, perak, pewter, plastik dan kutleri:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	120.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	180.00
80.	Menyetor dan/atau menjual barang-barang kulit:	
	(a) Luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00
81.	Menyetor LPG lebih daripada 227 kg.	120.00
82.	Menyetor minyak diesel lebih daripada 2,273 liter	120.00
83.	Kedai gambar, kedai menjual alat photograph dan menyetor filem:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00
84.	Menjual alat sains/jitu	
85.	Menjual alat solet:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	240.00
86.	Menjual alat pejabat	180.00
87.	Menyetor besi buruk	240.00
88.	Menyetor kalsium karbid:	
	(a) Untuk maksud runcit	96.00
	(b) Untuk maksud borong	180.00
89.	Menjual enjin, jentera dan alat:	
	(a) Luas lantai sehingga 140 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	360.00
90.	Kedai barang-barang sukan:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	120.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	180.00
91.	Menjual atau menyewakan rekod, pita, kaset, katrij dan pita video:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	360.00
92.	Kedai sport toto	480.00
93.	Menyetor mancis lebih daripada 2 peti berisi 1,200 kotak tiap-tiap satu dan lebih	72.00
94.	Mencair lemak binatang, membuat glu atau lilin	200.00
95.	Kilang kulit	180.00

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
96.	Mencelup semula tayar dan kerja-kerja alat vulkani	360.00
97.	Kedai nombor tiga ekor	480.00
98.	Mencuci saga atau membuat tepong sagu	30.00
99.	Kerja-kerja kimpal:	
	(a) Luas lantai sehingga 279 meter persegi	300.00
	(b) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	480.00
100.	Kedai jam tangan dan/atau jam:	
	(a) Luas lantai sehingga 47 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai di antara 48 meter persegi sehingga 140 meter persegi	180.00
	(c) Luas lantai melebihi 140 meter persegi	240.00
101.	Jlka premis adalah sementara dan telah dibina Yang Dipertua atau mana-mana Badan Berkanun atau dibina oleh mana-mana orang dan diluluskan oleh Yang Dipertua untuk dilesenkan khas di bawah butiran ini:	
	(a) Luas lantai sehingga 19 meter persegi	60.00
	(b) Luas lantai melebihi 19 meter persegi	96.00
102.	Lesen untuk apa-apa proses lain yang dikira merosak kesihatan atau merbahaya kepada nyawa	180.00
103.	Menjual apa-apa barang yang tidak diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil ini:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	120.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	180.00
104.	Apa-apa tred lain yang tidak diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil ini:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	180.00
	(b) Luas lantai di antara 71 meter persegi sehingga 140 meter persegi	240.00
	(c) Luas lantai di antara 141 meter persegi sehingga 279 meter persegi	480.00
	(d) Luas lantai melebihi 279 meter persegi	900.00
105.	Lesen untuk apa-apa pengilangan atau perniagaan lain yang darinya terbit bau yang mengganggu atau tak menyenangkan atau yang menyebabkan bunyi keterlaluan	180.00
106.	Perniagaan runcit dalam premis yang dilesenkan:	
	(a) Luas lantai sehingga 70 meter persegi	84.00
	(b) Luas lantai melebihi 70 meter persegi	120.00
107.	Penyimpan barang-barang oleh syarikat-syarikat pengangkutan	240.00
108.	Kedai menyimpan dan menjual tayar	240.00
109.	Kilang persiapan atau perusahaan air (Aerated, Carbonated dan Medicinal dan Mineral Water)	600.00

Bil.	Jenis-Jenis Lesen	Fi Lesen Setahun RM
110.	Mengilang/memproses/bengkel perabot:	
	(a) Luas lantai sehingga 279 meter persegi	240.00
	(b) Luas lantai di antara 280 meter persegi sehingga 465 meter persegi	360.00
	(c) Luas lantai di antara 466 meter persegi sehingga 929 meter persegi	480.00
	(d) Luas lantai melebihi 929 meter persegi	720.00